

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama Bank baru yang menjadi "custodian bank" kepada "unit" yang bernilai RM940 juta yang dimiliki oleh Brazen Sky Limited, yang sebelum ini diuruskan oleh BSI Bank. Siapakah pengurus dana pelaburan tersebut dan apakah nilai semasanya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Unit dana milik Brazen Sky Limited (anak syarikat milik penuh 1MDB) diurus oleh pengurus dana. Fungsi pengurus dana ini adalah berlainan daripada fungsi *custodian bank* (dengan izin), yang antara lain menjadi perantara. Ahli Lembaga Pengarah Brazen Sky Limited

mengesahkan bahawa sebuah bank berlesen antarabangsa telah diberi mandat sebagai *custodian bank* (dengan izin) untuk mengambil alih peranan BSI Bank, Singapura.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli Lembaga Pengarah Brazen Sky Limited juga telah melaporkan bahawa tiada perubahan status di dalam nilai pelaburan tersebut.

SOALAN (428)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN GOOI HSIAO - LEUNG
[ALOR SETAR]**

SOALAN :-

YB. Tuan Gooi Hsiao - Leung [Alor Setar] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa unit "Projek Perumahan Rakyat" telah dibina di Alor Setar sejak 2013 sehingga Februari 2017 untuk memenuhi keperluan perumahan ketara bagi golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 20 Februari 2017, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyiapkan 2 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Kedah merangkumi 1,894 unit rumah. Sebanyak 4 projek PPR meliputi 1,728 unit rumah sedang dalam pembinaan dan 1 projek PPR masih dalam peringkat perancangan bagi pembangunan 500 unit rumah.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut terdapat 2 projek PPR di Alor Setar iaitu :-

Bil	Projek	Daerah	Status Pelaksanaan Projek	Bil Unit
1.	PPR Kota Setar, Alor Setar	Kota Setar	Dalam Pembinaan	500
2.	PPR Bakar Bata, Alor Setar	Kota Setar	Dalam Perancangan	500
Jumlah				1000

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017

dan seterusnya mencadangkan pelan-pelan tindakan, seiring dengan matlamat dan objektif RIPAD Negara.

5. RIPAD Wilayah ini akan dilaksanakan dengan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri, dan akan diselaraskan dengan rancangan-rancangan pemajuan sedia ada di peringkat negeri.

Sekian, terima kasih.